

29/10/1997

Kulikutif terangsang beli komputer

APAKAH rebat cukai RM400 yang diwartakan Kerajaan sempena Belanjawan 1998 itu merupakan kenikmatan kepada pengguna terutama masyarakat yang dikatakan kurang berada?

Apakah dengan pemberian itu mampu membangkitkan kemajuan dalam pembentukan tenaga kerja untuk teknologi multimedia? Apakah semua yang dilaungkan itu mampu membentuk mercu tanda ke arah menjadikan Malaysia negara yang digeruni sejajar dengan cita-cita menjadi hub IT rantau ini?

Semua jawapan itu terletak kepada keikhlasan kita semua. Sekiranya kita mengambilnya sebagai iktibar untuk terus berjaya dan bersaing dengan negara maju lain terutama Barat, maka semua pemberian Kerajaan itu mampu menjadi pemangkin kejayaan.

Ada angin yang ditiup, mengatakan isu belanjawan itu terutama dengan kemudahan memiliki komputer adalah bagi memenuhi naluri kelompok yang selama ini sentiasa terangsang.

Sebenarnya, kemudahan memiliki komputer itu untuk semua pihak tidak kira tua muda, miskin kaya, pekak bisu, eksekutif atau kulikutif. Semua boleh memilikinya tanpa perlu kena rangsang.

Kerajaan kita bersikap fleksibel. Kalau nak beli, silalah kerana tidak ada paksaan. Boleh rasa rebat cukai RM400 itu sudah banyak dan dapat jimat buat beli barang keperluan dapur.

Kita sebagai rakyat sebuah negara kaya raya yang menghala ke arah sebagai sebuah negara maju serta berjaya harus merebut peluang yang diberikan Kerajaan, terutama membantu PM menjayakan matlamat ITnya.

Kalau dirangkaikan rebat RM400, tenaga multimedia dan kempen IT yang dilaksanakan bersungguh-sungguh, negara tentu mampu muncul sebagai induk IT rantau ini.

Bukannya senang untuk menikmati segala kemudahan yang diberikan Kerajaan dalam keadaan nilai mata wang yang semakin tidak menentu sekarang ini. Kita harus sama membantu untuk saling menikmati kejayaan.

Janganlah di waktu susah, ada pihak yang senang manakala satu pihak lagi menanggung keperitan. Ada benarnya di zaman IT ini, pepatah Melayu masih berguna: Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Bagaimanapun daripada pengalaman, bukan semua yang sanggup memberi bantuan sama ada di waktu senang atau susah. Malahan ada sesetengah pihak sanggup membelasah apa saja yang dia boleh!

Kita seharusnya berusaha untuk terus menjayakan matlamat Kerajaan dan bersama membangunkan negara di zaman IT ini. Janganlah jadi hipokrit, bila Kerajaan laungkan guna IT, mulalah kita gelabah dan latah guna IT, tetapi pada asasnya tidak tahu langsung. Malah makna IT pun tidak tahu.

Eksekutif di pejabat janganlah berasa besar sangat. Jangan berpura tunjuk hebat jika masih tidak tahu mengguna komputer dengan baik sambil berbangga dengan jawatan eksekutif itu. Boleh juga jadi katak di dalam gelas yang melihat kemudahan, tetapi sebenarnya tidak tahu memanfaatkannya.

Atau pun bertanya dan belajarlah mengenai semua ini daripada sesiapa saja, walaupun dari kulikutif atau anak sendiri.

KRUL - Terasa kecil di dunia fana ini

(END)